

Bekas pekerja jadi dalang ceroboh kawasan pencawang telekomunikasi

# Pencuri bateri pencawang dicekup

Kosmo 3/9/13 MS 17.

Oleh TOREK SULONG  
berita@kosmo.com.my

**BACHOK** – Polis menahan tiga lelaki ketika mereka menceroboh kawasan pencawang telefon selular di Kampung Tawang dekat sini pada pukul 5 petang kelmarin.

Mereka ditahan ketika memungkah 28 unit bateri pencawang yang bernilai RM19,000.

Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Ab. Rahim Che Ghani berkata, salah seorang suspek adalah bekas pekerja sebuah syarikat telekomunikasi di negeri itu yang dipercayai mempunyai kunci yang boleh membuka pagar dan pintu masuk pencawang berkenaan.

Menurutnya, sepasukan

anggota polis yang diketuai Sarjan Mejar Sabri Zakaria membuat intipan sebelum menahan ketiga-tiga suspek.

Beliau berkata, suspek menggunakan kenderaan jenis Toyota Unser untuk memungkah bateri yang dicuri.

Siasatan awal polis mendapati barangan curi itu akan dijual ke pusat pengumpulan barangan lusuah dengan kadar RM1.70 untuk setiap satu kilogram.

“Polis turut menyita kenderaan terbabit, merampas bateri jenis Nevada Polymer Standby, segugus kunci, pemotong besi, topi kontraktor dan baju pantul cahaya yang turut dibawa bersama oleh suspek terbabit,” katanya kepada pemberita

pada sidang akhbar di sini semalam.

Ab. Rahim berkata, ketiga-tiga suspek cuba melarikan diri selepas menyedari kegiatan mereka diintip pihak berkuasa, namun gagal kerana telah dikepung.

“Mereka kini ditahan reman selama empat hari mulai hari ini (semalam).

“Kesemua suspek turut disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 selepas ujian saringan air kencing mendapati mereka positif dadah,” katanya.

Menurutnya, ketiadaan kawalan keselamatan yang ketat di pencawang syarikat telekomunikasi selular itu menyebabkan lokasi terbabit menjadi tumpuan pencuri.



AB. RAHIM (kanan) menunjukkan bateri yang dicuri tiga lelaki di Bachok semalam.